
SURAT PEKELILING PENGURUSAN BIL. 02 TAHUN 2025

**PENAMBAHBAIKAN POLISI HARTA INTELEK
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA****TUJUAN**

Surat Pekeliling Pengurusan Bil. 02 Tahun 2025 ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 03 Tahun 2025 yang bersidang pada 21 Julai 2025 telah meluluskan Penambahbaikan Polisi Harta Intelekt, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

LATAR BELAKANG

Polisi ini diwujudkan untuk mengurus dan mengendalikan aspek-aspek permohonan perlindungan, penentuan hak milik dan lain-lain kepentingan, serta penguatkuasaan hak dan kepentingan ke atas Harta Intelekt yang dihasilkan oleh pihak-pihak yang mempunyai hubungan undang-undang sama ada kontraktual atau benefisiari di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

PELAKSANAAN

Pelaksanaan Polisi Harta Intelekt, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia adalah seperti di **Lampiran**.

TARIKH KUAT KUASA

Pelaksanaan polisi ini adalah berkuat kuasa mulai tarikh ianya diluluskan.

PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasa Surat Pekeliling Pengurusan Bil. 02 Tahun 2025 ini maka Polisi Harta Intelekt yang terkandung di dalam Pekeliling Pengurusan Bil. 02 Tahun 2021 Garis Panduan Pusat Inovasi dan Pengkomersilan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia adalah dibatalkan.


UTHM.PPO.100-6/3 (2)

Sekian untuk makluman dan perhatian YBhg. Prof./ Tuan/ Puan.

Terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”
“MALAYSIA MADANI”

Yang benar,



NAIM BIN MASLAN
Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
☎ : 07-4537100

NM/HHH/021025/PekelilingPengurusan



POLISI HARTA INTELEK UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC)
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 3/2025
21 Julai 2025



POLISI HARTA INTELEK UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Polisi ini bertujuan untuk mengurus dan mengendalikan aspek-aspek permohonan perlindungan, penentuan hak milik dan lain-lain kepentingan, serta penguatkuasaan hak dan kepentingan ke atas Harta Intelekt yang dihasilkan oleh pihak-pihak yang mempunyai hubungan undang-undang sama ada kontraktual atau benefisiari dengan UTHM.
- 1.2 Ia juga bertujuan untuk memberi polisi serta amalan terbaik pengurusan, mengkomersialkan Harta Intelekt yang dibangunkan untuk staf akademik / pelaksana yang berkhidmat di UTHM.
- 1.3 Secara khususnya, polisi pengurusan ini adalah untuk mengurus dan mengendalikan proses:
 - a. Mengenal pasti mana-mana Harta Intelekt yang mana UTHM mempunyai hak dan/atau kepentingan ke atasnya;
 - b. mendapatkan perlindungan secara formal ke atas mana-mana Harta Intelekt yang mana hak dan/atau kepentingannya dituntut oleh UTHM;
 - c. menentukan pihak yang berhak mendapat hak milik, hak-hak eksklusif/bukan eksklusif dan lain-lain kepentingan ke atas Harta Intelekt yang diurus dan dikawal selia di bawah polisi ini;

- d. menguatkuasakan hak dan kepentingan eksklusif/bukan eksklusif UTHM yang terbit daripada penentuan milik, penyerahan hak dan/atau pemberian lesen di bawah polisi ini ke atas mana-mana Harta Intelekt;
- 1.4 Selain dari itu, polisi ini juga bertujuan untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan atas sumbangan Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu UTHM yang menghasilkan atau memberi sumbangan dalam penghasilan karya, ciptaan, rekaan dan lain-lain Harta Intelekt yang diurus dan dikendalikan di bawah polisi Harta Intelekt.

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Untuk menjadi polisi amalan terbaik yang boleh dirujuk oleh pengurusan universiti;
- 2.2 Untuk melindungi hak Universiti dan penyelidik terhadap Harta Intelekt yang dihasilkan melalui polisi pengurusan yang jelas;
- 2.3 Untuk memperjelaskan tindakan-tindakan yang perlu diambil berhubung dengan pengurusan perlindungan Harta Intelekt serta keperluan mengkomersialkan Harta Intelekt;
- 2.4 Untuk mengukuhkan amalan kerja pengurusan Harta Intelekt dalam menyatakan hak pemilikan dan pengagihan hak antara Universiti, Penyelidik dan / atau Rakan Sekutu;
- 2.5 Untuk menerangkan mengenai kepentingan mengiktiraf hak moral Penyelidik.

3.0 SKOP PEMAKAIAN

Polisi ini terpakai ke atas semua Harta Intelekt yang dihasilkan oleh Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu UTHM melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, yang mana hak dan/atau kepentingan ke atas harta intelek tersebut dimiliki oleh UTHM di bawah Pengurusan Harta Intelekt ini.

4.0 PERATURAN DAN PERUNTUKAN PERUNDANGAN

Polisi ini dibuat berpandukan peruntukan undang-undang bertulis berkaitan Harta Intelekt (khususnya Akta Hak Cipta 1987, Akta Paten 1983 (Pindaan 2022), Akta Cap Dagangan 1976 (Pindaan 2022) , Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004, Akta Petunjuk Geografi 2000, Akta Reka Bentuk Ciptaan Industri 1996 dan Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000) dan undang-undang tidak bertulis (khususnya Undang-undang ‘Common Law’) berkaitan rahsia perdagangan dan maklumat sulit yang kini berkuat kuasa di Malaysia.

5.0 TAKRIFAN

5.1 Untuk tujuan polisi ini, terma dan definisi berikut digunakan:

- a. **Bahan pengajaran dan pembelajaran** ertinya bahan yang dihasilkan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran oleh Staf, Pelajar atau Rakan Sekutu UTHM yang layak mendapat perlindungan dan/ atau telah mendapat perlindungan di bawah mana-mana undang-undang harta intelek. Bahan pengajaran dan pembelajaran tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada bahan ilmiah (buku, artikel jurnal, laporan penyelidikan, kertas kerja, prosiding atau apa-apa penulisan lain), perisian kursus (audio visual syarahan, nota kuliah/tutorial, slaid persembahan), penilaian kursus (kertas ujian dan kertas peperiksaan), perisian komputer, tesis, disertasi, kertas projek dan tugas sama ada dalam bentuk bertulis atau digital.

- b. **Dashboard for Innovation and Commercialisation Electronic Services (DICE)** merupakan sebuah sistem pengurusan data bagi Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC)
- c. **Hak bukan eksklusif, bebas royalti dan lesen yang berterusan** ertinya sepanjang tempoh perlindungan hak cipta, pemegang lesen dibenarkan menghasilkan semula dan mengedarkan karya tersebut untuk sebarang tujuan, dalam semua bentuk dan medium, tanpa perlu membayar apa-apa royalti kepada pemegang hak milik Harta Intelek.
- d. **Hak Harta Intelek** ertinya semua jenis hak (hak milik, hak eksklusif dan hak moral) dan apa-apa kepentingan (selaku pemegang lesen) yang diiktiraf dan dilindungi di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia sama ada bertulis atau tidak bertulis, khususnya semua hak dan kepentingan yang timbul daripada undang-undang hak cipta, paten, reka bentuk perindustrian, cap dagangan, petunjuk geografi, reka bentuk susun atur litar bersepadu, varieti baru tumbuhan dan maklumat sulit termasuk rahsia perdagangan.
- e. **Harta Intelek** ertinya apa-apa karya, ciptaan, rekaan, varieti baru tumbuhan, maklumat sulit termasuk rahsia perdagangan yang layak untuk mendapat perlindungan di bawah mana-mana undang-undang Harta Intelek, khususnya undang-undang hak cipta, paten, reka bentuk perindustrian, cap dagangan, petunjuk geografi, reka bentuk susun atur litar bersepadu, varieti baru tumbuhan dan undang-undang 'Common Law'.
- f. **Harta Intelek UTHM** ertinya semua Harta Intelek yang mana UTHM mempunyai hak dan/atau kepentingan kontraktual atau kepentingan ekuiti hasil daripada pemberian/penyerahan hak milik, pemberian lesen atau operasi perundangan di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

- g. **Hak Moral** ertinya hak integriti dan atributasi yang diberikan kepada karyawan, khususnya di bawah Akta Hak Cipta 1987 bagi melindungi nilai peribadi dan reputasi karyawan tersebut. Hak Moral ini wujud tanpa mengambil kira sama ada karyawan tersebut merupakan pemilik Harta Intelekt berkenaan atau tidak. Hak integriti memberi hak kepada karyawan (atau selepas kematiannya, warisnya) untuk membantah sebarang perubahan, pindaan, kecacatan atau apa-apa.pengubahsuaian lain pada karya itu yang boleh menjejaskan nama baik atau reputasi karyawan tersebut. Hak atributasi memberi hak kepada karyawan untuk diberikan kredit atas mana-mana bahagian karyanya yang dipetik, diguna atau diterbitkan semula di dalam karya yang lain.
- h. **Karyawan** ertinya merujuk kepada seseorang yang mana karyanya layak mendapat perlindungan dan/atau telah mendapat perlindungan di bawah Akta Hak Cipta 1987 atau mana-mana undang-undang yang seumpamanya di dalam atau di luar Malaysia.
- i. **Kepentingan Ekuiti** ertinya kepentingan yang dipegang berdasarkan hak milik ekuiti (hak milik yang menunjukkan kepentingan benefisiari dalam harta dan memberikan hak kepada pemegang untuk memperoleh hak milik yang sah) atau tuntutan atas dasar ekuiti, seperti kepentingan yang dipegang oleh benefisiari amanah. Kepentingan ekuiti ialah hak dari segi ekuiti dan, jika dilanggar (mengalami kemudaratan), tertakluk kepada penyelesaian melalui remedi ekuiti.
- j. **Lesen** ertinya hak untuk mengeksploitasi Hak Harta Intelekt (merangkumi hak eksklusif/tunggal/bukan eksklusif/bersilang) yang diberikan oleh pelesen (sama ada pemilik Harta Intelekt atau pemegang lesen sedia ada) kepada satu atau lebih pihak lain (dikenali sebagai pemegang lesen atau pemegang sub-lesen, tertakluk kepada keadaan).

- k. **Maklumat Sulit** ertinya meliputi semua jenis data/maklumat dalam bentuk lisan/bertulis/audio/visual sama ada bercetak atau digital yang mengandungi data/maklumat perdagangan, peribadi, saintifik, penyelidikan, organisasi, kerajaan, ketenteraan atau lain-lain data/maklumat yang perlu dirahsiakan daripada pengetahuan umum.
- l. **Pelajar** ertinya yang sama dengan tafsiran di bawah Seksyen 2 Akta UTHM 1976 (Akta 173). Dalam konteks Dasar ini, Pelajar UTHM bermaksud sesiapa sahaja yang diiktiraf sebagai Pelajar UTHM di bawah Akta 173, yang meliputi pelajar pasca ijazah, ijazah sarjana muda, diploma, yang berdaftar dan berstatus aktif dengan UTHM sama ada sebagai pelajar sepenuh masa/separuh masa di dalam kampus atau di luar kampus UTHM.
- m. **Pembiak Baka Baru** ertinya merujuk kepada seseorang yang mana baka baru tumbuhan yang dibiakkannya layak mendapat perlindungan dan/atau telah mendapat perlindungan di bawah Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 atau mana- mana undang-undang yang seumpamanya di dalam atau di luar Malaysia.
- n. **Pencipta** ertinya merujuk kepada seseorang yang mana ciptaannya layak mendapat perlindungan dan/atau telah mendapat perlindungan di bawah Akta Paten 1983 atau mana-mana undang-undang yang seumpamanya di dalam atau di luar Malaysia.
- o. **Penyerahan hak** ertinya memindahkan hak milik secara penuh dan mutlak ke atas sesuatu Harta Intelekt.

- p. **Pengkomersilan** ertinya merujuk kepada aktiviti yang bertujuan untuk menjana pendapatan dan/ atau pulangan kewangan daripada Harta Intelekt, termasuk, tetapi tidak terhad kepada:
- i. Penyerahan hak (assignment) dan/ atau pelesenan (licensing) sebahagian atau keseluruhan Hak Harta Intelekt dengan balasan kewangan/royalti yang setimpal;
 - ii. Penubuhan syarikat 'Spin-Off' atau Syarikat Usaha sama yang menghasilkan, membuat, mengilang, mengeluarkan, membekal, memasarkan atau memfrancaiskan produk/ perkhidmatan yang mengandungi atau mengguna pakai Harta Intelekt UTHM;
 - iii. Pemindahan teknologi oleh UTHM kepada pihak luar dengan balasan kewangan yang setimpal.
- q. **Pereka** ertinya merujuk kepada seseorang yang mana rekaannya layak mendapat perlindungan dan/ atau telah mendapat perlindungan di bawah Akta Reka Bentuk Ciptaan Industri 1996 dan/atau Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 atau mana-mana undang-undang yang seumpamanya di dalam atau di luar Malaysia.
- r. **Perjanjian** ertinya merujuk kepada Memorandum Persefahaman (MoU)/ Memorandum Persetujuan (MoA), Perjanjian Penyelidikan dan Pembangunan Usaha Sama, Perjanjian Kerahsiaan (Confidential Agreement)/ Perjanjian Untuk Tidak Mendedahkan Maklumat (Non-Disclosure Agreement), Perjanjian Penyerahan Hak Harta Intelekt (Assignment), Perjanjian Pemberian Lesen (Licensing Agreement), Perjanjian Pemindahan Teknologi dan Perjanjian Pertukaran Staf.
- s. **Pihak Luar** ertinya pihak selain daripada Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu UTHM yang tidak memasuki sebarang Perjanjian atau mempunyai sebarang ikatan kontraktual dengan UTHM pada atau semasa mana-mana Harta Intelekt dihasilkan.

- t. **Rahsia Perdagangan** ertinya meliputi formula, kaedah, amalan, proses, resipi dan lain-lain pengetahuan (know-how) yang dirahsiakan dan/atau belum menjadi pengetahuan umum yang memberi kelebihan ekonomi kepada pemilik rahsia perdagangan tersebut ke atas pesaing perniagaannya.
- u. **Rakan Sekutu** termasuk, tetapi tidak terhad kepada rakan usaha sama dalam penyelidikan, penyelidik pelawat, perunding, profesor adjung, felo atau mana-mana individu, entiti atau badan korporat lain yang dijemput secara rasminya oleh UTHM (sama ada dengan atau tanpa ikatan kontrak) bagi menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan atau inovasi, tetapi bukan merupakan Staf atau Pelajar UTHM.
- v. **Senat UTHM** ertinya menjadi badan akademik bagi Universiti dan tertakluk kepada statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan, berhak mengawal dan memberikan arahan secara am mengenai pengajaran, penyelidikan, peperiksaan, pengurniaan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik yang lain.
- w. **Staf** ertinya yang sama dengan tafsiran di bawah Seksyen 2 Akta UTHM 1976 (Akta 173). Dalam konteks ini, Staf UTHM bermaksud mana-mana individu yang diambil bekerja di bawah kontrak perkhidmatan oleh UTHM, sama ada secara sambilan atau sepenuh masa, kontrak atau tetap, merangkumi staf akademik dan staf bukan akademik.
 - 1. **Staf Akademik** merujuk kepada mana-mana Staf yang mana urusan pekerjaannya terlibat secara langsung dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran termasuk, tetapi tidak terhad kepada profesor, pensyarah, tutor dan pembantu pensyarah dan juga meliputi semua gred dan pangkat.

2. **Staf Bukan Akademik** merujuk kepada mana-mana Staf yang mana urusan pekerjaannya tidak terlibat secara langsung dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran termasuk, tetapi tidak terhad kepada bendahari, pendaftar, jurutera, arkitek, pegawai eksekutif, pembantu makmal, pembantu tadbir, pembantu am dan lain-lain Staf sokongan dan juga meliputi semua gred dan pangkat.
- x. **UTHM atau Universiti** ertinya Universiti Tun Hussein Onn yang ditubuhkan di bawah Akta UTHM 1976 (Akta 173) dan termasuk juga penerima serah hak serta agen atau staf yang dilantik/diberi kuasa untuk mewakili/ bertindak bagi pihaknya.
- y. **Urusan Pekerjaan** ertinya merujuk kepada tugas hakiki, skop tugas dan tanggungjawab biasa pekerjaan seseorang Staf sebagaimana yang terkandung di dalam surat pelantikan dan/atau perjanjian.

6.0 PERLINDUNGAN HARTA INTELEK

- 6.1 Harta Intelekt adalah semua hasil ciptaan berbentuk tak nyata (*intangible*) yang terhasil daripada kreativiti pemikiran manusia yang tidak terhad kepada idea, reka cipta, reka bentuk, lakaran, lukisan, kerja penulisan, karya seni, program komputer, reka bentuk susun atur litar bersepadu serta pangkalan data.
- 6.2 Perlindungan Harta Intelekt yang dibuat mengikut peruntukkan undang-undang dapat membolehkan pemilik harta melaksanakan kawalan eksklusif ke atas sebarang kes peniruan terhadap hak pemilikan tersebut.
- 6.3 Kriteria yang digunakan oleh UTHM dalam membuat keputusan sama ada untuk memohon perlindungan ke atas Harta Intelekt yang mana ianya mempunyai hak dan/ atau kepentingan adalah seperti berikut:

6.4 **Paten dan Pembaharuan Utiliti** – Perlindungan Hak Harta Intelekt di bawah Akta Paten 1983 (pindaan 2022) atau mana-mana undang-undang lain yang seumpamanya di dalam atau luar Malaysia hanya akan dipohon jika ciptaan itu adalah baru, melibatkan langkah-langkah penciptaan dan boleh diaplikasikan secara industri, serta mencadangkan penyelesaian teknikal kepada masalah tertentu dalam bidang teknologi. Di bawah Akta Paten 1983, tempoh perlindungan Paten dan Pembaharuan Utiliti adalah selama 20 tahun dari tarikh pemfailan.

- a. **Hak Cipta** – Perlindungan Hak Harta Intelekt di bawah Akta Hak Cipta 1987 tidak memerlukan permohonan perlindungan secara formal. Perlindungan secara automatik akan diberikan kepada mana-mana karya sastera, karya muzik, karya seni, filem, rakaman suara dan penyiaran yang asli, berkuat kuasa serta-merta dari saat karya asli tersebut dihasilkan. UTHM melindungi hak dan kepentingannya dengan meletakkan simbol © pada semua karya miliknya. Karya Hak Cipta dilindungi sehingga 50 tahun selepas kematian pencipta karya.
- b. **Reka Bentuk Perindustrian** - Perlindungan Hak Harta Intelekt di bawah Akta Reka bentuk Perindustrian 1996 atau mana-mana undang-undang lain yang seumpamanya di dalam atau luar Malaysia hanya akan dipohon jika rekaan itu adalah baru, menarik dan belum pernah didedahkan kepada umum
- c. **Cap Dagangan** - Perlindungan Hak Harta Intelekt di bawah Akta Cap Dagangan 1976 atau mana-mana undang-undang lain yang seumpamanya di dalam atau luar Malaysia hanya akan dipohon jika cap dagangan itu (sama ada dalam bentuk jenama, label, nama, tandatangan, perkataan, nombor atau apa-apa tanda niaga lain) boleh dibezakan dari cap dagangan yang lain.

- d. **Petunjuk Geografi** - Perlindungan Hak Harta Intelekt di bawah Akta Petunjuk Geografi 2000 atau mana-mana undang-undang lain yang seumpamanya di dalam atau luar Malaysia hanya akan dipohon jika kualiti, reputasi atau ciri-ciri lain sesuatu barang adalah dianggap berpunca dari tempat asal geografinya.
- e. **Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu** – Perlindungan Hak Harta Intelekt di bawah Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 atau mana-mana undang- undang lain yang seumpamanya di dalam atau luar Malaysia hanya akan dipohon jika reka bentuk susun atur litar bersepadu itu adalah rekaan yang asli.
- f. **Varieti Baru Tumbuhan** – Perlindungan Hak Harta Intelekt di bawah Akta Varieti Baru Tumbuhan 2004 atau mana-mana undang-undang lain yang seumpamanya di dalam atau luar Malaysia hanya akan dipohon jika tumbuhan itu adalah tumbuhan yang baka biaknya adalah baru, berbeza dari yang lain, seragam dan stabil.
- g. **Maklumat Sulit termasuk Rahsia Perdagangan** – Perlindungan Hak Harta Intelekt bagi Maklumat Sulit termasuk Rahsia Perdagangan adalah dilindungi di bawah ‘Common Law’ dan tiada peruntukan undang-undang yang memerlukan permohonan perlindungan secara formal dibuat. Perlindungan Maklumat Sulit termasuk Rahsia Perdagangan yang dilindungi di bawah ‘Common Law’ akan dikuatkuasakan oleh UTHM dengan meminta Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu UTHM yang akan atau telah menerima/didedahkan dengan Rahsia Perdagangan atau Maklumat Sulit supaya menandatangani Perjanjian Kerahsiaan (Confidential Agreement)/Perjanjian Untuk Tidak Mendedahkan Maklumat (Non-Disclosure Agreement) atau mana-mana perjanjian lain yang mewujudkan obligasi yang sama.

- 6.5 Selain daripada kriteria asas yang diperihalkan di atas, Universiti juga boleh mengambil kira faktor kos, nilai komersial, potensi pasaran sesuatu Harta Intelek tersebut dan lain- lain faktor yang relevan, dalam membuat keputusan sama ada untuk memohon perlindungan Hak Harta Intelek.

7.0 PEMILIKAN HARTA INTELEK

- 7.1 Universiti hendaklah memastikan staf akademik dan staf pelaksana yang menjadi pereka cipta diperakui sebagai pihak yang mengilhamkan reka cipta berkenaan dan disenaraikan sebagai pencipta bersama di dalam permohonan pendaftaran harta intelek, pemfailan paten yang berkaitan atau lain-lain proses dokumentasi harta intelek berkaitan.
- 7.2 Universiti berhak dan boleh mendakwa dan menuntut hak pemilikan dan kepentingan ke atas semua hasil harta intelek yang boleh dilindungi. Pelantikan syarikat luar sebagai pemasar atau broker harta intelek dari anak syarikat atau pihak ketiga boleh dibuat jika ada keperluan. Pelantikan ini mesti dikawal dengan perjanjian yang mencukupi untuk mengawal kepentingan universiti.
- 7.3 Sekiranya pihak ketiga telah membuat sumbangan terhadap usaha sama sehingga menghasilkan ciptaan Hakmilik Harta Intelek, umpamanya, dengan menyediakan pembiayaan dan mendapatkan khidmat kerjasama saintifik atau teknikal daripada pihak ketiga tersebut, maka Harta Intelek yang dihasilkan boleh dimiliki secara bersama.
- 7.4 Semua perjanjian perkongsian hendaklah mengandungi syarat- syarat yang menentukan hak-hak semua pihak untuk mengkomersialkan mana-mana harta intelek yang akan dimiliki bersama.

7.5 Dalam rundingan perjanjian perkongsian dengan pihak ketiga, Pihak Universiti akan menentukan:

- a) Pereka ciptanya terlibat dalam rundingan pada setiap peringkat, dan;
- b) Syarat-syarat perjanjian adalah selaras dengan prinsip-prinsip yang ditetapkan di dalam polisi ini.

7.6 Staf:

- a) Tertakluk kepada fasal 7.6(d) dan kecuali dipersetujui secara bertulis atau dinyatakan sebaliknya di dalam polisi ini, UTHM menuntut hak milik dan kepentingan mutlak dan sejagat ke atas semua Harta Intelek yang dihasilkan oleh Staf UTHM di dalam urusan pekerjaan Staf tersebut.
- b) Semua Harta Intelek yang direka cipta oleh Staf UTHM di luar urusan pekerjaannya adalah menjadi hak milik Staf tersebut, melainkan Harta Intelek tersebut dihasilkan:
 - i. Dengan menggunakan dana, bantuan kepakaran/kemahiran, kemudahan dan kelengkapan makmal/premis, bahan atau lain-lain sumber milik UTHM yang menyumbang secara material dan substantif kepada penghasilan Harta Intelek tersebut;
 - ii. Melalui pembiayaan penuh atau sebahagian geran penyelidikan luar (awam atau persendirian) yang disalurkan kepada UTHM dan diperuntukkan kepada Staf tersebut;
 - iii. Daripada Harta Intelek telah sedia ada milik UTHM atau yang dilesenkan kepada UTHM;
 - iv. Secara bersama dengan Staf UTHM lain di dalam urusan pekerjaan Staf tersebut;

- v. Secara bersama dengan Pelajar dan/atau Rakan Sekutu UTHM yang mana UTHM menuntut hak milik di bawah buku polisi ini; atau
 - vi. Atas permintaan atau arahan secara rasmi oleh UTHM.
- c) Dalam keadaan (i) hingga (vi) di atas, UTHM menuntut hak milik penuh atau sebahagian, yang mana dan setakat mana yang difikirkan adil dan wajar, dan jika terdapat sebarang Perjanjian, pegangan hak milik akan diberikan berdasarkan terma dan syarat Perjanjian tersebut.
- d) UTHM tidak menuntut hak milik Harta Intelekt ke atas bahan pengajaran dan pembelajaran yang dihasilkan oleh Staf UTHM, termasuk di dalam urusan pekerjaannya, melainkan ia dihasilkan atas permintaan atau arahan secara rasmi oleh UTHM.
- e) Walau bagaimanapun, UTHM menuntut hak bukan eksklusif, bebas royalti dan lesen yang berterusan untuk menggunakan, membangunkan, menghasilkan semula dan mengedar keseluruhan atau mana-mana bahagian bahan pengajaran dan pembelajaran tersebut bagi tujuan bukan komersial dalam apa-apa bentuk yang dianggapnya sesuai dan tidak bercanggah dengan hak moral Staf tersebut.
- f) Apa-apa hak dan kepentingan ke atas Harta Intelekt yang diberikan oleh Staf UTHM sebagaimana yang diperihalkan di atas akan terus sah dan berkuat kuasa walaupun selepas Staf tersebut bukan lagi merupakan Staf UTHM sama ada disebabkan tamat tempoh kontrak/Perjanjian, bersara/berhenti/diberhentikan atau atas apa-apa sebab lain.
- g) Bagi memberi kesan undang-undang kepada fasal (e) dan (f) di atas, semua Staf dikehendaki menandatangani perakuan pemberian hak bukan eksklusif, bebas royalti dan lesen berterusan ke atas bahan pengajaran dan pembelajaran tersebut kepada UTHM semasa

pengambilan mereka sebagai Staf atau bila mana didapati perlu.

- h) Di mana mana sesuatu Harta Intelek dihasilkan secara bersama, melibatkan dua atau lebih Staf UTHM, dan dalam keadaan di mana UTHM tidak menuntut hak milik Harta Intelek tersebut, maka hak milik ke atas Harta Intelek tersebut adalah tertakluk kepada apa-apa Perjanjian di antara Staf tersebut.

7.7 Pelajar:

- a) Tertakluk kepada fasal 7.7 (c) dan kecuali dipersetujui secara bertulis atau dinyatakan sebaliknya di dalam Polisi pengurusan ini, UTHM menuntut hak milik dan kepentingan ke atas semua Harta Intelek yang dihasilkan oleh Pelajar UTHM yang mana penghasilannya:
 - i. menggunakan dana, bantuan kepakaran/kemahiran, kemudahan dan kelengkapan makmal/premis, bahan atau lain-lain sumber milik UTHM yang menyumbang secara material dan substantif kepada penghasilan Harta Intelek tersebut;
 - ii. dibayai secara penuh atau sebahagian geran penyelidikan luar (awam atau persendirian) yang disalurkan kepada UTHM dan diperuntukkan kepada Pelajar UTHM tersebut;
 - iii. berpunca daripada penggunaan harta intelek sedia ada yang dimiliki oleh UTHM atau yang dilesenkan kepada UTHM;
 - iv. secara bersama dengan Pelajar dan/atau Rakan Sekutu UTHM yang mana UTHM menuntut hak milik di bawah Polisi pengurusan ini; atau
 - v. atas permintaan atau arahan secara rasmi oleh UTHM

- b) Dalam keadaan (i) hingga (v) di atas, UTHM menuntut hak milik penuh atau sebahagian, yang mana dan setakat mana yang difikirkan adil dan wajar, dan jika terdapat sebarang Perjanjian, pegangan hak milik akan diberikan berdasarkan terma dan syarat Perjanjian tersebut.
- c) UTHM tidak menuntut hak milik ke atas tesis, disertasi, kertas projek dan tugas Pelajar UTHM yang dihasilkan daripada aktiviti pengajaran dan pembelajaran di UTHM.
- d) Walau bagaimanapun, UTHM menuntut hak bukan eksklusif, bebas royalti dan lesen yang berterusan untuk menggunakan, membangunkan, menghasilkan semula dan mengedar keseluruhan atau mana-mana bahagian tesis, disertasi, kertas projek atau tugas tersebut bagi tujuan bukan komersial dalam apa-apa bentuk yang dianggapnya sesuai dan tidak bercanggah dengan hak moral Pelajar UTHM tersebut.
- e) Apa-apa hak dan kepentingan ke atas Harta Intelekt yang diberikan oleh Pelajar UTHM kepada UTHM sebagaimana yang diperihalkan di atas, akan terus sah dan berkuat kuasa walaupun selepas Pelajar tersebut bukan lagi merupakan Pelajar UTHM sama ada disebabkan tamat tempoh pengajian/Perjanjian, berhenti/diberhentikan atau atas apa-apa sebab lain.
- f) Bagi memberi kesan undang-undang kepada fasal (d) dan (e) di atas, Pelajar dikehendaki menandatangani perakuan pemberian hak bukan eksklusif, bebas royalti dan lesen berterusan ke atas tesis, disertasi, kertas projek atau tugas tersebut kepada UTHM pada awal pengajian Pelajar atau bila mana didapati perlu.

- g) Bagi mana-mana Harta Intelekt yang dihasilkan oleh Pelajar yang mana UTHM menuntut hak milik atau kepentingan, UTHM mempunyai budi-bicara penuh untuk melepaskan/tidak menuntut hak milik atau kepentingan ke atas Harta Intelekt tersebut jika sekiranya Pelajar adalah terikat dengan perjanjian biasiswa, pembiayaan, atau tajaan yang menghendaknya menyerahkan hak milik atau kepentingan ke atas Harta Intelekt tersebut kepada pemberi biasiswa, pembiaya atau penaja berkenaan. Walau bagaimanapun budi-bicara ini hendaklah dilaksanakan tanpa prejudis atas tanggungjawab penzahiran dan atributasi Pelajar kepada UTHM.
- h) Sesuatu Harta Intelekt yang dihasilkan secara bersama, melibatkan dua atau lebih Pelajar UTHM, dan dalam keadaan di mana UTHM tidak menuntut hak milik Harta Intelekt tersebut, maka hak milik ke atas Harta Intelekt tersebut, adalah tertakluk kepada apa-apa Perjanjian di antara Pelajar tersebut.
- i) Bagi harta intelek yang dihasilkan melalui program akademik 2U2I atau yang setara dengannya, hak milik harta intelek tersebut akan tertakluk kepada apa-apa perjanjian di antara pihak Universiti dan pihak industri yang berkenaan. Sekiranya tiada perjanjian berkenaan dengan hak milik harta intelek dimeterai, maka hak milik akan tertakluk kepada peruntukan undang-undang harta intelek yang berkenaan.

7.8 Rakan Sekutu:

- a) Hakmilik semua Harta Intelekt yang dihasilkan di bawah Perjanjian di antara UTHM/wakil yang dilantiknya dengan Rakan Sekutu adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang termaktub di dalam Perjanjian tersebut

- b) Kecuali dipersetujui secara bertulis atau dinyatakan sebaliknya di dalam polisi pengurusan ini, UTHM menuntut hak dan kepentingan ke atas semua Harta Intelekt yang dihasilkan oleh Rakan Sekutu yang mana penghasilannya:
- i. menggunakan dana, bantuan kepakaran/kemahiran, kemudahan dan kelengkapan makmal/premis, bahan atau lain-lain sumber milik UTHM yang menyumbang secara material dan substantif kepada penghasilan Harta Intelekt tersebut;
 - ii. dibiayai sebahagian atau sepenuhnya melalui pembiayaan geran penyelidikan luar (awam atau persendirian) yang disalurkan kepada UTHM dan diperuntukkan kepada Rakan Sekutu;
 - iii. dihasilkan daripada Harta Intelekt telah sedia ada milik UTHM atau yang dilesenkan kepada UTHM;
 - iv. secara bersama dengan Staf atau Pelajar UTHM yang mana UTHM menuntut hak milik di bawah polisi pengurusan ini; atau
 - v. atas permintaan atau arahan secara rasmi oleh UTHM.
- c) Dalam keadaan (i) hingga (v) di atas, UTHM menuntut hak milik penuh atau sebahagian, yang mana dan setakat mana yang difikirkan adil dan wajar, dan jika terdapat sebarang Perjanjian, pegangan hak milik akan diberikan berdasarkan terma dan syarat Perjanjian tersebut.
- d) Bagi melindungi hak dan kepentingan UTHM, apa-apa Perjanjian yang melibatkan Harta Intelekt yang hendak dimasuki sama ada oleh Staf

dan/ atau Pelajar dengan Rakan Sekutu hendaklah terlebih dahulu dirujuk dan mendapat kebenaran bertulis dari UTHM.

- e) Dalam memasuki Perjanjian dengan Rakan Sekutu, UTHM setakat mana yang wajar dan munasabah, hendaklah memastikan bahawa terma dan syarat Perjanjian adalah mengambil kira dan tidak bercanggah dengan polisi pengurusan ini.

7.9 Bagi tujuan fasal ini dan mana-mana fasal yang berkaitan (khususnya fasal 7 dan fasal 8 di bawah), sesuatu Harta Intelekt akan dianggap sebagai telah dihasilkan secara bersama, jika sekiranya penghasilan Harta Intelekt bergantung kepada sumbangan secara bersekutu oleh dua atau lebih pihak (tanpa mengambil kira darjah sumbangan dapat ditentukan dengan tepat atau tidak, asalkan ianya substantif).

7.10 Dalam keadaan di mana Harta Intelekt dihasilkan secara bersama oleh Staf, Pelajar atau Rakan Sekutu UTHM dengan Pihak Luar, dan UTHM mendapati ia berhak untuk menuntut apa-apa hak atau kepentingan ke atas Harta Intelekt tersebut daripada Staf, Pelajar, Rakan Sekutu tersebut, UTHM akan menuntut hak dan kepentingannya ke atas Harta Intelekt yang dihasilkan secara bersama itu berdasarkan peruntukan polisi pengurusan ini atau mengikut terma dan syarat Perjanjian di antara pihak-pihak berkenaan (jika ada).

8.0 PRINSIP-PRINSIP DAN PERUNTUKAN AM HARTA INTELEK

8.1 Dalam keadaan di mana UTHM bekerjasama dengan Pihak Luar untuk membangunkan secara bersama Harta Intelekt sedia ada; yang mana hak milik atau kepentingan ke atas Harta Intelekt sedia ada dipegang oleh Pihak Luar tersebut, sebarang Perjanjian berhubung penghasilan Harta Intelekt baru dari Harta Intelekt sedia ada itu hendaklah setakat mana yang boleh dan wajar, memastikan terma dan syarat Perjanjian adalah selaras dan tidak bercanggah dengan pengurusan polisi ini.

- 8.2 Jika sekiranya satu Perjanjian telah dimuktamadkan di antara UTHM, Staf, Pelajar atau Rakan Sekutunya dengan Pihak Luar tersebut, kewujudan mana-mana terma dan syarat Perjanjian yang bercanggah dengan polisi ini tidak membatalkan perjanjian tersebut dan terma-terma yang bercanggah itu tetap sah dan berkuat kuasa.
- 8.3 Larangan Ke Atas Pendedahan Awal Ciptaan/Rekaan;
- a. Dimana Harta Intelekt yang hak milik dan/ atau kepentingannya dituntut oleh UTHM itu merupakan Harta Intelekt yang tertakluk kepada syarat ciptaan atau rekaan baru (novelty), Staf, Pelajar dan Rakan Sekutu adalah dilarang daripada membuat sebarang pendedahan awal (sama ada dalam bentuk penerbitan, pengumuman, pameran, eksploitasi, pengkomersilan Harta Intelekt tersebut atau apa-apa data atau maklumat berkaitan Harta Intelekt tersebut) yang boleh menjejaskan peluang UTHM untuk memohon perlindungan Hak Harta Intelekt ke atasnya.
 - b. Larangan ke atas pendedahan awal berkuat kuasa dari tempoh Harta Intelekt tersebut dihasilkan sehingga permohonan perlindungan telah dibuat atau bilamana Staf, Pelajar atau Rakan Sekutu telah dimaklumkan secara bertulis bahawa keputusan telah diambil oleh UTHM untuk tidak memohon perlindungan ke atas Harta Intelekt berkenaan, yang mana terdahulu.
 - c. Sebarang pendedahan awal bagaimanapun boleh dibuat dengan membuat permohonan bertulis dan setelah mendapat persetujuan secara bertulis dari UTHM. Sebarang persetujuan oleh UTHM untuk membenarkan pendedahan awal hendaklah mengambil kira peruntukan undang-undang yang berkaitan yang sedang berkuat kuasa.

8.4 Larangan memasuki perjanjian, membenarkan akses/ penggunaan Harta Intelek dan lain-lain kepada pihak luar;

- a. Melainkan kebenaran secara bertulis diberikan oleh UTHM, staf dan pelajar UTHM adalah dilarang daripada:
 - i. memasuki sebarang perjanjian dengan pihak luar yang bertujuan atau berpotensi menghasilkan Harta Intelek (selain daripada bahan pengajaran dan pembelajaran yang diperihalkan di dalam fasal 6 dasar ini) yang mana UTHM menuntut hak milik di bawah fasal 6 dasar ini, tanpa terlebih dahulu merujuk dan mendapat kebenaran secara bertulis daripada UTHM;
 - ii. membenarkan akses dan/ atau penggunaan Harta Intelek yang dihasilkan mereka, tetapi dalam keadaan di mana hak milik dan/ atau kepentingannya dituntut oleh UTHM, kepada mana-mana pihak luar;
 - iii. membenarkan akses dan/ atau penggunaan dana, kemudahan dan kelengkapan makmal/ premis, bahan atau lain-lain sumber milik UTHM kepada pihak luar yang bertujuan atau berpotensi menghasilkan Harta Intelek; dan
 - iv. memberikan bantuan kepakaran/kemahiran kepada pihak luar yang bertujuan atau berpotensi menghasilkan Harta Intelek selain dari mana-mana Harta Intelek yang mana UTHM tidak menuntut hak milik di bawah dasar ini.

- b. Dalam keadaan di mana UTHM memberi kebenaran bagi mana-mana perkara yang diperihalkan di atas, staf atau pelajar tersebut hendaklah memastikan bahawa satu perjanjian dimasuki di antara UTHM, Staf atau Pelajar tersebut dengan pihak luar. Bagi memastikan hak dan kepentingan UTHM, staf dan pelajar ke atas Harta Intelek yang dihasilkan di bawah Perjanjian tersebut tidak diabaikan, terma dan syarat Perjanjian tersebut hendaklah seboleh mungkin merujuk kepada dan tidak bercanggah dengan polisi pengurusan Harta Intelek ini.

8.5 Larangan mendedahkan rahsia perdagangan/ maklumat sulit kepada pihak luar/ pihak ketiga;

- a. Mana-mana staf, pelajar dan rakan sekutu UTHM yang telah menerima atau telah didedahkan dengan apa-apa maklumat sulit termasuk rahsia perdagangan oleh mana-mana pihak, mempunyai tanggungjawab untuk tidak mendedahkan maklumat sulit/ rahsia perdagangan tersebut kepada pihak luar atau kepada mana-mana pihak ketiga yang lain.
- b. Larangan ini terpakai ke atas semua staf, pelajar dan rakan sekutu UTHM tanpa mengambil kira sama ada staf, pelajar atau rakan sekutu tersebut telah atau belum menandatangani perjanjian kerahsiaan, perjanjian untuk tidak mendedahkan maklumat atau apa-apa perjanjian lain yang mewujudkan obligasi tersebut.
- c. Maklumat sulit termasuk rahsia perdagangan tersebut hanya boleh didedahkan kepada pihak luar atau mana-mana pihak ketiga, jika sekiranya staf, pelajar atau rakan sekutu tersebut telah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada pemilik sah rahsia perdagangan atau maklumat sulit berkenaan.

9.0 PENDAFTARAN HARTA INTELEK

- 9.1 Segala harta intelek yang direka cipta, dihasilkan, dibangunkan atau diwujudkan oleh staf akademik atau staf pelaksana sepanjang perkhidmatan di universiti hendaklah dilaporkan kepada jabatan yang mengurus harta intelek di universiti awam.
- 9.2 Harta intelek yang didaftarkan oleh staf akademik atau staf pelaksana sebaiknya diberikan pengiktirafan atau nilai pencapaian didalam laporan pencapaian prestasi tahunan staf tersebut, sesuai dengan kadar yang ditetapkan oleh universiti awam.
- 9.3 Universiti mesti memperakui hak-hak moral pencipta harta intelek dan akan mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan pencipta diperakui sebagai pengilham atau pereka cipta harta intelek berkenaan
- 9.4 Universiti boleh melantik panel agen harta intelek yang terdiri dari tiga (3) hingga lima (5) agen harta intelek yang berpotensi dalam menyelesaikan perfailan harta intelek.
- 9.5 Sebarang permohonan pendaftaran harta intelek boleh dipohon melalui sistem *Dashboard for Innovation and Commercialisation Electronic Services* (DICE).
- 9.6 Panel penilaian akan meluluskan permohonan pendaftaran harta intelek ke peringkat *Patent Search* berdasarkan kepada penilaian yang dilaksanakan. Permohonan yang tidak diluluskan dikembalikan kepada Penyelidik. Carta alir proses pendaftaran Harta Intelek seperti dalam di **Lampiran 1**.

10.0 PEREKODAN HARTA INTELEK

- 10.1 Harta Intelek adalah aset kepada kerajaan, maka ia hendaklah direkodkan sebagai Aset Tak Ketara institusi mengikut prosedur pendaftaran aset alih kerajaan dan pekeliling yang berkuat kuasa.

10.2 Aset Tidak Ketara adalah aset kewangan yang boleh dikenal pasti tetapi tidak mempunyai kewujudan fizikal, tidak dapat dilihat atau disentuh. Terdapat dua (2) kategori Aset Tak Ketara iaitu;

- a. **Harta Intelekt** (*Hak Cipta, Cap dagangan, Paten / Pembaharuan Utiliti, Petunjuk Geografi, Reka bentuk Perindustrian, Reka bentuk susun atur litar bersepadu, Perlindungan Variasi Tumbuhan, Pengetahuan Tradisional dan Penzahiran Kebudayaan (contohnya; peribahasa, Kain tenun, Baju kurung cekak musang, ukiran kayu melayu, motif motif tekstil Melayu dan baju Riau Pahang)*)
- b. **Bukan Harta Intelekt** (*nama domain Internet, perjanjian / hak eksklusif / lokasi / variasi tumbuhan yang dihasilkan agensi kerajaan tetapi tidak dilindungi Akta Perlindungan Varian Tumbuhan 2004, perjanjian pelesenan, royalti dan permit, dan juga pangkalan data).*

11.0 PENGKOMERSIALAN HARTA INTELEK

11.1 Syarikat Terbitan (*spin-off, start-up*)

Penjualan aset tidak ketara boleh melalui syarikat terbitan universiti dengan memberi pelaporan penyata kewangan bagi setiap tahun jualan kepada universiti.

11.2 Pelesenan

Universiti boleh melesenkan semua harta intelek yang dikomersialkan sama ada secara eksklusif atau tidak eksklusif atau *sole rights*.

11.3 Jualan Langsung

Universiti boleh mengkomersialkan harta intelek secara jualan langsung kepada pihak luar jika nilai jualan itu adalah berpadanan dan setimpal dengan nilai pulangan yang diharapkan oleh pengurusan universiti. Jualan langsung mesti diperakukan oleh Pengarah PTJ dan dimaklumkan kepada pengurusan universiti.

11.4 Usahasama (Joint Venture)

Universiti boleh mengkomersialkan harta intelek secara usahasama (*joint venture*) dengan pihak luar melalui penubuhan syarikat, bertujuan khas (*special purpose vehicle*) atau pembelian saham syarikat yang mengkomersialkan harta intelek oleh syarikat pegangan universiti (*holding company*).

12.0 PEMANTAUAN DAN PELAPORAN HARTA INTELEK

- 12.1 Setiap perlindungan Harta Intelek hendaklah direkodkan oleh UTHM dengan sistematik. Rekod ini hendaklah dipantau bagi mengenal pasti status permohonan perlindungan Harta Intelek UTHM.
- 12.2 Harta Intelek yang peroleh status **diluluskan (*granted*)** hendaklah dipantau rekod pembayaran fi pembaharuan tahunan kepada MyIPO.
- 12.3 MyIPO akan mengeluarkan surat bantahan kepada UTHM bagi permohonan Harta Intelek yang tidak menepati kriteria pendaftaran.
- 12.4 Surat ini hendaklah dijawab dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh surat dikeluarkan dengan mengemukakan hujahan bertulis yang disokong dengan pembuktian yang jelas.
- 12.5 Antara sebab surat bantahan dikeluarkan adalah;
 - a. Menggunakan perkataan yang merujuk kepada sifat atau karakter produk/ perkhidmatan yang ditawarkan.

- b. Harta Intelekt yang tidak unik dan menggunakan perkataan biasa (*common*).
 - c. Harta Intelekt mempunyai persamaan/ pertindihan dengan harta intelek yang sedia ada.
- 12.6 UTHM menerima surat bantahan akan membuat rujukan kepada ejen yang dilantik untuk dapatkan nasihat dan tindakan lanjut dengan kadar segera.

13.0 PELANGGARAN HAK HARTA INTELEK

- 13.1 Pihak Universiti akan mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk menghormati hak-hak seorang Pereka cipta agar diberi pengiktirafan, dan berusaha menentukan orang lain juga menghormati hak-hak tersebut.
- 13.2 Universiti boleh mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk berunding dengan Pereka cipta, sebelum mengubahsuai atau mengadaptasi HI, namun tidak termasuk dalam keadaan di mana Universiti merupakan pemilik hak cipta bahan mengajar daripada pihak luar. Dalam keadaan yang tersebut, pihak Universiti boleh mengubah suai atau mengadaptasi bahan-bahan itu mengikut budi bicaranya.
- 13.3 Sistem perlindungan Harta Intelekt memberi hak eksklusif kepada pemiliknya untuk mengawal dan mengeksploitasi Harta Intelekt mereka. Ini termasuklah hak untuk membuat, mengguna, mengedar dan menjual.
- 13.4 Meniru produk bermaksud/ melanggar hak pemilik/ pereka cipta produk berkenaan.
- 13.5 Jika ada pihak luar yang meniru reka cipta yang mendapat perlindungan Harta Intelekt, UTHM boleh menghubungi pegawai MyIPO untuk nasihat dan tindakan lanjut.

- 13.6 Sekiranya ada pereka cipta meniru Harta Intelekt sedia ada, penggunaan reka cipta tersebut perlu dihentikan bagi mengelakkan tindakan mahkamah oleh pemilik sebenar.

14.0 PELUPUSAN HARTA INTELEK

- 14.1 Universiti boleh mengambil tindakan untuk melupuskan Harta Intelekt bertujuan untuk mengurangkan perbelanjaan penyelenggaraan tahunan terhadap Harta Intelekt yang telah mendapat status *Patent Granted* yang didaftarkan di bawah Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO) dan pendaftaran di luar Negara.

- 14.2 Penjimatan kos selenggaraan harta intelek boleh dicapai melalui;

- a. Menamatkan paten yang tidak dikomersialkan selepas tempoh maksimum selepas **3 (tiga) tahun** dari tarikh *patent granted* atau **5 (lima) tahun** selepas dokumen permohonan difailkan. Selain itu bukti tambahan yang telah ditetapkan oleh pengurusan universiti (bukti ke arah aktiviti pengkomersialan seperti MOA dan lain-lain yang diputuskan oleh pengurusan Universiti).
- b. Menjual paten secara terus, pukal atau lelongan kepada pihak luar
- c. Meminta pencipta menanggung kos selenggara jika paten pencipta masih beranggapan ada potensi komersialan di masa hadapan.

- 14.3. Pelupusan HI Universiti adalah melalui kaedah – kaedah seperti yang berikut dan perlu dilaksanakan secara berturutan:

- a. Memindahkan keseluruhan pemilikan HI daripada Universiti kepada Perekacipta dengan kaedah "*Outright Sale*" atau

- b. Membuat tawaran kepada mana-mana pihak lain yang berminat untuk membeli, memiliki dan mengkomersialkan HI tersebut setelah mendapat kebenaran Perekacipta asal dan/ atau
 - c. Membatalkan pendaftaran hak milik harta intelek berkaitan daripada rekod Harta Intelek Universiti dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).
- 14.4 UTHM akan mengenal pasti Harta Intelek yang telah didaftarkan setelah menjangkau tempoh maksimum **tiga (3) tahun** dari tarikh *Patent Granted* untuk proses pelupusan aset tidak ketara.
- 14.5 UTHM akan mengeluarkan arahan kepada Pereka cipta untuk melengkapkan borang maklumat status produk/teknologi (UTHM.ICC.HI-003/2018) yang berkaitan untuk mendapatkan maklumat terkini.
- 14.6 Mesyuarat Jawatankuasa Inovasi Pengkomersialan dan Perundingan (JIPP) akan mengemukakan permohonan yang diperakukan ke Mesyuarat Senat untuk kelulusan.
- 14.7 UTHM akan mengeluarkan surat keputusan pelupusan pemilikan HI Universiti kepada Pereka cipta. Pereka cipta dan Universiti akan bersama-sama melaksanakan usaha untuk permohonan pertukaran pemilikan HI berkenaan kepada pihak MyIPO dan agen harta intelek yang mengawal selia rekod pendaftaran Harta Intelek berkenaan.

15.0 GALAKAN DAN PENGHARGAAN PENGHASILKAN HARTA INTELEK

15.1 Kesedaran kepentingan mengkomersialkan harta intelek

Universiti mesti memupuk kesedaran betapa pentingnya mengkomersialkan harta intelek melalui kursus berkala secara dalaman atau secara kerjasama dengan agensi atau kementerian yang diberi mandat untuk membina keupayaan di peringkat nasional. Harta intelek yang dihasilkan serta mengkomersialkannya boleh diberi nilai untuk diiktiraf sebagai pencapaian petunjuk prestasi utama (KPI) di dalam laporan pencapaian prestasi tahunan staf tersebut.

15.2 Pemberian Insentif kepada Pencipta/ Pereka bentuk Industri

Kadar insentif boleh ditetapkan oleh universiti melalui jabatan yang menguruskan inovasi dan mengkomersialkan setelah dipersetujui oleh pengurusan tertinggi universiti. Universiti digalakkan memberikan insentif kepada staf akademik dan staf pelaksana yang mencipta atau mereka bentuk harta intelek. Galakan dan penghargaan boleh dibuat dalam bentuk:

- a. sekali bayaran (*one off*)
- b. berkala apabila difailkan dan dianugerahkan paten
- c. imbuhan apabila dikomersialkan
- d. imbuhan apabila dijual secara langsung oleh pihak luar

15.3 Mewujudkan “*Multi-Track*” Kenaikan Pangkat dengan Mengambil kira Elemen Mengkomersialkan.

Kaedah ini merujuk kepada suatu pendekatan di dalam organisasi atau institusi di mana terdapat beberapa laluan atau landasan yang membolehkan staf atau ahli akademik meraih kenaikan pangkat dengan mengakui dan menilai sumbangan mereka dalam konteks mengkomersialkan hasil penyelidikan. Ini boleh mencerminkan penghargaan terhadap usaha untuk mengkomersialkan hasil penyelidikan universiti, atau kepakaran tertentu.

16.0 TARIKH POLISI INI BERKUATKUASA

- 16.1 Polisi ini berkuat kuasa mulai daripada tarikh kertas kerja penambahbaikan polisi diluluskan.
- 16.2 Daripada tarikh polisi ini berkuat kuasa, kesemua peruntukan yang termaktub di dalam polisi ini (setakat yang berkenaan) hendaklah dimasukkan sebagai sebahagian terma dan syarat di dalam semua kontrak (termasuk kontrak perkhidmatan), perjanjian, surat tawaran dan penerimaan dan lain-lain dokumen yang berkaitan di antara UTHM dengan staf, pelajar dan rakan sekutu UTHM.
- 16.3 Penguatkuasaan polisi ini tidak memberi kesan ke belakang (*retrospective*) terhadap mana- mana hak milik atau lain-lain hak dan kepentingan ke atas Harta Intelek, yang diberikan kepada dan dipegang oleh UTHM, staf, pelajar atau rakan sekutu UTHM yang wujud sebelum daripada polisi ini mula berkuat kuasa.

17.0 PENGECUALIAN

Apa-apa pengecualian terhadap peruntukan kepada polisi ini hendaklah mendapat kelulusan khas daripada Jawatankuasa Eksekutif Universiti.

18.0 PINDAAN

Polisi ini boleh dipinda dari semasa ke semasa dengan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Universiti bagi menambahbaik polisi yang dilaksanakan.

CADANGAN PENAMBAHBAIKKAN POLISI HARTA INTELEK UTHM

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad

PENAMBAHBAIKAN POLISI H

PROSEDUR PENDAFTARAN HARTA INTELEK

Penggunaan system DICE dalam proses pendaftaran Harta Intelek.

PROSES KERJA PELUPUSAN HI

Penambahbaikkan pada proses pelupusan harta intelek

TAKRIFAN

Penambahan penggunaan sistem DICE bagi pengurusan Harta Intelek.

PELANGGARAN HAK HARTA INTELEK

Pertukaran terma dalam Polisi terdahulu adalah Pengiktirafan Hak Moral

PERBANDINGAN POLISI HARTA INTELEK / CADANGAN PENAMBAHBAIKKAN POLISI HARTA INTELEK

PERKARA	POLISI HARTA INTELEK (PEKELILING PENGURUSAN BIL. 2/2021)	CADANGAN PENAMBAHBAIKKAN POLISI HARTA INTELEK (PEMURNIAN BERDASARKAN POLISI HARTA INTELEK BIL. 2/2021)
3.0 TAKRIFAN	Tiada	5.1 (b) Dashboard for Innovation and Commercialisation Electronic Services (DICE) merupakan sebuah sistem pengurusan data bagi Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC)
5.0 PROSEDUR PENDAFTARAN HARTA INTELEK	5.2 : Perekacipta membuat permohonan pendaftaran harta intelek dengan mengisi borang "Invention Disclosure".	9.2 Sebarang permohonan pendaftaran harta intelek boleh dipohon melalui sistem Dashboard for Innovation and Commercialisation Electronic Services (DICE).
X.X PEMANTAUAN DAN PELAPORAN HARTA INTELEK	Tiada	12.1 Setiap perlindungan Harta Intelek hendaklah direkodkan oleh UTHM dengan sistematik. Rekod ini hendaklah dipantau bagi mengenal pasti status permohonan perlindungan Harta Intelek UTHM. 12.2 Harta Intelek yang peroleh status diluluskan (granted) hendaklah dipantau rekod pembayaran fi pembaharuan tahunan kepada MyIPO. 12.3 MyIPO akan mengeluarkan surat bantahan kepada UTHM bagi permohonan Harta Intelek yang tidak menepati kriteria pendaftaran 12.4 Surat ini hendaklah dijawab dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh surat dikeluarkan dengan mengemukakan hujahan bertulis yang disokong dengan pembuktian yang jelas.

PERBANDINGAN POLISI HARTA INTELEK / CADANGAN PENAMBAHBAIKKAN POLISI HARTA INTELEK

PERKARA	POLISI HARTA INTELEK (PEKELILING PENGURUSAN BIL. 2/2021)	CADANGAN PENAMBAHBAIKKAN POLISI HARTA INTELEK (PEMURNIAN BERDASARKAN POLISI HARTA INTELEK BIL. 2/2021)
X.X PEMANTAUAN DAN PELAPORAN HARTA INTELEK	Tiada	12.5 Antara sebab surat bantahan dikeluarkan adalah; a.Menggunakan perkataan yang merujuk kepada sifat atau karakter produk/erkhidmatan yang ditawarkan. b.Harta Intelek yang tidak unik dan menggunakan perkataan biasa (common). c.Harta Intelek mempunyai persamaan / pertindihan dengan harta intelek yang sedia ada. 12.6 UTHM menerima surat bantahan akan membuat rujukan kepada ejen yang dilantik untuk dapatkan nasihat dan tindakan lanjut dengan kadar segera.

PERBANDINGAN POLISI HARTA INTELEK / CADANGAN PENAMBAHBAIKKAN POLISI HARTA INTELEK

PERKARA	POLISI HARTA INTELEK (PEKELILING PENGURUSAN BIL. 2/2021)	CADANGAN PENAMBAHBAIKKAN POLISI HARTA INTELEK (PEMURNIAN BERDASARKAN POLISI HARTA INTELEK BIL. 2/2021)
10.0 PENGIKTIRAFAN HAK MORAL (ditukar sub kepada 13.0 PELANGGARAN HAK HARTA INTELEK)	10.1 Pihak Universiti akan mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk menghormati hak-hak seorang Perekacipta agar diberi pengiktirafan, dan berusaha menentukan orang lain juga menghormati hak-hak tersebut. 10.2 Universiti boleh mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk berunding dengan Perekacipta, sebelum mengubahsuai atau mengadaptasi HI, namun tidak termasuk dalam keadaan di mana Universiti merupakan pemilik hak cipta bahan mengajar daripada pihak luar. Dalam keadaan yang tersebut, pihak Universiti boleh mengubahsuai atau mengadaptasi bahan-bahan itu mengikut budi bicaranya.	13.1 Pihak Universiti akan mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk menghormati hak-hak seorang Pereka cipta agar diberi pengiktirafan, dan berusaha menentukan orang lain juga menghormati hak-hak tersebut. 13.2 Universiti boleh mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk berunding dengan Pereka cipta, sebelum mengubahsuai atau mengadaptasi HI, namun tidak termasuk dalam keadaan di mana Universiti merupakan pemilik hak cipta bahan mengajar daripada pihak luar. Dalam keadaan yang tersebut, pihak Universiti boleh mengubahsuai atau mengadaptasi bahan-bahan itu mengikut budi bicaranya. 13.3 Sistem perlindungan Harta Intelek memberi hak eksklusif kepada pemiliknya untuk mengawal dan mengeksploitasi Harta Intelek mereka. Ini termasuklah hak untuk membuat, mengguna, mengedar dan menjual. 13.4 Meniru produk bermaksud / melanggar hak pemilik / pereka cipta produk berkenaan. 13.5 Jika ada pihak luar yang meniru rekacipta yang mendapat perlindungan Harta Intelek, UTHM boleh menghubungi pegawai MyIPO untuk nasihat dan tindakan lanjut. 13.6 Sekiranya ada pereka cipta meniru Harta Intelek sedia ada, penggunaan reka cipta tersebut perlu dihentikan bagi mengelakkan tindakan mahkamah oleh pemilik sebenar.

PERBANDINGAN POLISI HARTA INTELEK / CADANGAN PENAMBAHBAIKKAN POLISI HARTA INTELEK

PERKARA	POLISI HARTA INTELEK (PEKELILING PENGURUSAN BIL. 2/2021)	CADANGAN PENAMBAHBAIKKAN POLISI HARTA INTELEK (PEMURNIAN BERDASARKAN POLISI HARTA INTELEK BIL. 2/2021)
12.0 Proses Kerja Pelupusan Hi	12.1 ICC akan mengenalpasti HI yang telah didaftarkan setelah menjangkau tempoh maksimum tiga (3) tahun dari tarikh Patent Granted atau lima (5) tahun selepas dokumen permohonan difailkan. 12.2 ICC akan mengeluarkan arahan kepada Perekacipta untuk melengkapi borang maklumat status produk/teknologi (UTHM.ICC.HI-003/2018) yang berkaitan untuk mendapatkan makluman terkini. 14 12.3 Perekacipta mengembalikan borang tersebut kepada ICC untuk pengesahan. 12.4 Perekacipta diberikan pilihan untuk melupuskan pendaftaran HI berdasarkan kaedah di para 10. 12.5 Jawatankuasa Teknikal Inovasi Pengkomersialan dan Perundingan akan bersidang untuk menilai dan mempertimbangkan permohonan pelupusan tersebut.	14.1 Universiti boleh mengambil tindakan untuk melupuskan Harta Intelek bertujuan untuk mengurangkan perbelanjaan penyelenggaraan tahunan terhadap Harta Intelek yang telah mendapat status Patent Granted yang didaftarkan di bawah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan pendaftaran di luar Negara. 14.2 Penjimatan kos selenggaraan harta intelek boleh dicapai melalui; - Menamatkan paten yang tidak dikomersialkan selepas tempoh maksimum selepas 3 (tiga) tahun dari tarikh <i>patent granted</i> atau 5 (lima) tahun selepas dokumen permohonan difailkan. Selain itu bukti tambahan yang telah ditetapkan oleh pengurusan universiti (bukti ke arah aktiviti pengkomersialan seperti MOA dan lain-lain yang diputuskan oleh pengurusan Universiti). - Menjual paten secara terus, pukal atau lelongan kepada pihak luar - Meminta pencipta menanggung kos selenggara jika paten pencipta masih beranggapan ada potensi komersialan di masa hadapan.

PERBANDINGAN POLISI HARTA INTELEK / CADANGAN PENAMBAHBAIKKAN POLISI HARTA INTELEK

PERKARA	POLISI HARTA INTELEK (PEKELILING PENGURUSAN BIL. 2/2021)	CADANGAN PENAMBAHBAIKKAN POLISI HARTA INTELEK (PEMURNIAN BERDASARKAN POLISI HARTA INTELEK BIL. 2/2021)
12.0 Proses Kerja Pelupusan HI	12.6 Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Inovasi Pengkomersialan dan Perundingan akan mengemukakan permohonan yang diperakukan ke Mesyuarat Senat untuk kelulusan. 12.7 ICC akan mengeluarkan surat keputusan pelupusan pemilikan HI Universiti kepada Perekacipta. Perekacipta dan Universiti akan bersama-sama melaksanakan usaha untuk permohonan pertukaran pemilikan HI berkenaan kepada pihak MyIPO dan agen harta intelek yang mengawal selia rekod pendaftaran HI berkenaan.	14.3 Pelupusan HI Universiti adalah melalui kaedah – kaedah seperti yang berikut dan perlu dilaksanakan secara berturutan: - Memindahkan keseluruhan pemilikan HI daripada Universiti kepada Perekacipta dengan kaedah „Outright Sale”; atau - Membuat tawaran kepada mana-mana pihak lain yang berminat untuk membeli, memiliki dan mengkomersilkan HI tersebut setelah mendapat kebenaran Perekacipta asal; dan / atau - Membatalkan pendaftaran hak milik harta intelek berkaitan daripada rekod Harta Intelek Universiti dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). 14.4 UTHM akan mengenal pasti Harta Intelek yang telah didaftarkan setelah menjangkau tempoh maksimum tiga (3) tahun dari tarikh Patent Granted untuk proses pelupusan aset tidak ketara.

Terima Kasih *Thank You*



WE ARE RANKED
#1001-1200
QS World University
Rankings | 2024



WE ARE RANKED 101-150
THE World University
Rankings | 2024



AACSB
ACCREDITED
AACSB
ACCREDITED



EFMD
EQUIS
ACCREDITED



MD
Premier Digital
Tech Institution



unesco
World Heritage Site



UTHM Johor
www.uthm.edu.my



Global Technopreneur
University 2030